

Bekerjasama untuk mewujudkan Internet yang **lebih selamat** : Peranan API

Untuk melindungi pengguna dan organisasi daripada penjenayah siber, kami membina dan berkongsi Antara Muka Pengaturcaraan Aplikasi (API) yang mengesan dan menyekat ancaman dalam talian serta menjadikan Internet lebih selamat untuk semua.



BINAAN

Kami membuat API keselamatan sebagai perlindungan merentas tiga kawasan utama. Beberapa contoh API:

Keselamatan Kanak-kanak


- Content Safety API
- CSAI Match API
- Hash Matching API

Keselamatan

- Safe Browsing API
- Project Shield API
- VirusTotal API

Kualiti Maklumat

- Perspective API
- Vision API
- FactCheck API
- Civics Information API
- Penyaringan Teks



SKALA

Untuk mengukur impak kami, kami berkongsi API keselamatan kami dengan rakan kongsi:

46J

Pada tahun 2022, Cloud Armor API menyekat salah satu serangan DDoS 7 Lapisan terbesar dalam sejarah, pada 46J permintaan sesaat.

2B

Perspective API digunakan oleh lebih 1000 rakan kongsi hampir 2B kali sehari.


4B

Kit Alat Keselamatan Kanak-kanak (Content Safety API + CSAI Match API) memproses lebih 4B imej dan video dalam tempoh 30 hari yang lalu.




HAD

Untuk memastikan hanya rakan kongsi yang dipercayai dapat mengakses API kami dan API tersebut digunakan dalam cara yang patuh dan selamat, kami mengambil tiga langkah penting:



Kami mengehadkan akses API kami kepada rakan kongsi yang telah ditapis secara teliti, menyekat penggunaan alatan ini tanpa kebenaran dan menguatkuasakan dasar syarat perkhidmatan kami dengan tegas. Melalui pemeraksanaan rakan kongsi kami yang dipercayai dengan API keselamatan, kami dapat bekerjasama dan mewujudkan Internet yang lebih selamat untuk semua.

API Keselamatan Google



API Keselamatan Kanak-kanak

Kit Alat Keselamatan Kanak-kanak

Keselamatan Kandungan


Model proprietari Google membantu rakan kongsi mengelaskan dan mengutamakan berbilion-bilion imej Bahan Penderaan Seksual Kanak-kanak. Model itu menggunakan pengelas ML untuk mengenal pasti imejan CSAM yang tidak pernah dilihat sebelum ini untuk membolehkan semakan, pengalihan keluar dan pelaporan yang pantas.

CSAI Match

Teknologi proprietari YouTube (dan teknologi pertama yang menggunakan padanan cincangan) untuk mengenal pasti video Imejan Penderaan Seksual Kanak-kanak (CSAI) dan membenderakan video tersebut secara sistematik agar rakan kongsi dapat menyemak, mengesahkan, melaporkan dan mengambil tindakan.

Padanan Cincangan

Kami menyediakan Hash Matching API Google kepada NCMEC untuk membantu mereka mengutamakan dan menyemak laporan CyberTipline dengan lebih berkesan, yang membolehkan mereka memfokuskan laporan yang melibatkan kanak-kanak yang memerlukan bantuan segera.



API Keselamatan

Penyelesaian WAAP Google

Cloud Armor

Melindungi laman web, perkhidmatan dan API daripada serangan lanjutan Penafian Perkhidmatan Teragih (DDoS) disasarkan dan automatik, yang menapis maklumat.

reCAPTCHA

Melindungi laman web daripada aktiviti penipuan, spam dan penyalahgunaan lain. reCAPTCHA Enterprise menggunakan enjin analisis risiko boleh suai untuk mengelakkan perisian automatik daripada terlibat dalam aktiviti penyalahgunaan.

Apigee

Platform pengurusan API kitaran hayat penuh Google Cloud membolehkan perniagaan mereka bentuk, melindungi, mengerah tugas, memantau dan mengukur API.

Penyemakan Imbas Selamat

Safe Browsing API kami membolehkan aplikasi klien menyemak URL terhadap senarai sumber web tidak selamat kami yang sentiasa dikemaskinikan. Alat ini melindungi 5 bilion peranti setiap hari dengan memberi pengguna amaran tentang laman yang mengehoskan perisian hasad atau perisian yang tidak dikehendaki.

VirusTotal

Membenarkan pembangun menyerahkan fail atau URL untuk dianalisis serta menerima laporan tentang sama ada fail atau URL tersebut dijangkiti perisian hasad atau tidak.



API Kualiti Maklumat

Perspektif

API sumber terbuka yang menggunakan pembelajaran mesin untuk mengenal pasti ulasan "toksik". Digunakan bukan sahaja untuk memudahkan interaksi antara manusia tetapi juga untuk menggalakkan interaksi manusia yang berkualiti tinggi dengan model bahasa besar dan AI generatif.

Penglihatan

Membenarkan pembangun menyepadukan ciri pengesanan penglihatan dalam aplikasi mereka dengan mudah. Ciri ini termasuk pelabelan imej, pengesanan wajah dan tanda tempat, pengecaman aksara optik (OCR) dan pengetagan kandungan eksplisit.

FactCheck

Bertujuan untuk memudahkan kerja pemeriksa fakta, wartawan dan penyelidik untuk memastikan perkara yang telah & belum dipaparkan sebagai palsu di seluruh dunia. Dengan alat ini, pengguna boleh mencari tuntutan dalam 300 ribu semakan fakta daripada penerbit bereputasi baik.

Maklumat Sivik

Civic Information API membenarkan penerbit membina aplikasi yang memberitahu warganegara dan pengundi di A.S. tentang perwakilan politik mereka, maklumat pengundian dan lokasi mengundi. Semasa pilihan raya yang disokong, pengundi boleh mencari tempat mengundi mereka, lokasi undian awal dan kotak undi serta maklumat calon.

Penyaringan Teks

Alat Penyaringan Teks Google, yang tersedia melalui Cloud Natural Language API, membantu organisasi mengimbas kandungan yang sensitif atau berbahaya. Alat ini dapat mengenal pasti pelbagai kandungan berbahaya, termasuk pertuturan berunsur kebencian, pembulian dan gangguan seksual.

Setiap hari anda
lebih selamat
dengan Google

Kami membuat pelaburan untuk membina dan berkongsi API yang mengesan dan menyekat ancaman dalam talian bagi memastikan **setiap hari anda lebih selamat dengan Google**. Lawati [Pusat Keselamatan](#) kami untuk mengetahui lebih lanjut cara kami memastikan lebih ramai orang lebih selamat dalam talian berbanding sesiapa sahaja.